

02 APR 1996

Mahathir-maklumat

MALAYSIA GIAT KE ARAH TINGKAT TEKNOLOGI MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan berhasrat menyediakan infrastruktur secukupnya di Koridor Super Multimedia (MSC) Malaysia secepat mungkin.

Katanya MSC bukan sahaja akan meningkatkan teknologi maklumat negara malah menggalakkan badan-badan korporat multimedia untuk menempatkan unit perniagaan dan kemudahan penyelidikan dan pembangunan mereka di sini.

Koridor Super Multimedia ialah kawasan seluas 15km kali 40km, meliputi Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC), Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang baru di Sepang, yang akan dimajukan sebagai pusat pertumbuhan utama.

Dr Mahathir menggesa setiap lapisan -- kementerian dan agensi kerajaan, universiti, sektor swasta, anggota politik -- bekerjasama menjadikan negara maju dalam bidang teknologi.

"Kerajaan mempunyai rancangan besar-besaran memajukan teknologi maklumat," katanya pada forum untuk ketua-ketua pegawai eksekutif mengenai konsep dan cabaran pelaksanaan MSC Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Bagi memudahkan cerdik pandai asing bekerja di negara ini, Perdana Menteri berkata beberapa pengubahsuaian akan dibuat terhadap peraturan dan undang-undang.

Katanya satu kawasan antara KLIA dan Putrajaya telah dikenalpasti untuk dimajukan sebagai sebuah bandaraya yang indah dan amat baik untuk didiami.

Dr Mahathir, yang mempengerusikan Majlis Teknologi Maklumat Negara, berkata kerajaan mengalu-alukan cadangan daripada bakal-bakal pelabur mengenai keperluan yang perlu disediakan di MSC.

Memandangkan teknologi maklumat satu bidang baru, katanya: "Kita perlu secara berterusan mendengar pandangan dari luar dan dari pakar dalam bidang ini."

Dr Mahathir berkata semasa lawatannya ke Jepun baru-baru ini, beliau melawat Sony Corporation dan Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) untuk meninjau teknologi terkini dalam multimedia.

Sambil menyebut teknologi syarikat-syarikat itu begitu ke hadapan, katanya Malaysia mungkin perlu menggunakan ilmu pengetahuan mereka.

Semasa ditanya pemberita kemudian sama ada NTT menunjukkan hasrat untuk menempatkan semula sebahagian daripada operasi penyelidikan dan pembangunan mereka di sini, Dr Mahathir berkata NTT telah menyebut yang mereka akan meninjau kemungkinan itu.

"Saya berpendapat mereka berminat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur yang akan disediakan di sini. Mereka perlu mengembangkan penyelidikan mereka dan saya berpendapat mereka akan datang ke sini," katanya.

Semasa diminta membuat penjelasan lanjut, Dr Mahathir berkata NTT akan bekerja bersama-sama Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Telekom Malaysia dan Institut Sistem Mikro-Elektronik Malaysia (MIMOS) dan membentuk tiga pasukan, setiap satu menyelidik bidang kerjasama yang berasingan. -- Bernama.

AZZ AHH